



## MAJLIS DAERAH MERSING

### RALAT

#### KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Sebut harga adalah dipelawa sebagaimana **Jadual 1** daripada Kontraktor-kontraktor tempatan bertaraf Bumiputera yang berdaftar dan memenuhi syarat-syarat sepertimana di bawah:

KERJA	PERKHIDMATAN / BEKALAN
<p>a) Berdaftar dengan Pejabat Majlis Daerah Mersing Bagi Tahun 2026 dan;</p> <p>b) Membawa Perakuan Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang belum tamat tempoh sah laku dan;</p> <p>c) Membawa Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) oleh CIDB yang belum tamat tarikh tempoh habis perakuan dan;</p> <p>d) Membawa Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) oleh CIDB yang belum tamat tarikh tempoh habis perakuan dan;</p> <p>e) Membawa Sijil Kontraktor Kerja Taraf Bumiputera (Bahagian Pembangunan Kontraktor Dan Usahawan oleh Kementerian Kerja Raya Malaysia) yang belum tamat tempoh sah laku dan;</p> <p>f) Membawa Sijil Kontraktor Johor (SKJ) oleh Johor Centre For Construction Development (JCCD);</p> <p>g) Membawa Sijil Pematuhan Cukai - <i>Tax Compliance Certificate</i>(TCC) yang belum tamat tempoh sah laku dan berstatus : <b>PATUH</b> dan;</p> <p>h) Membawa cop syarikat terkini.</p>	<p>a) Berdaftar dengan Pejabat Majlis Daerah Mersing Bagi Tahun 2026 dan;</p> <p>b) Membawa Sijil Perakuan Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang belum tamat tempoh sah laku dan;</p> <p>c) Membawa Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat oleh Kementerian Kewangan Malaysia yang belum tamat tempoh sah laku dan;</p> <p>d) Membawa Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera oleh Kementerian Kewangan Malaysia yang belum tamat tempoh sah laku dan;</p> <p>e) Membawa cop syarikat terkini.</p>

2. Naskah Meja sebut harga boleh disemak di **Jabatan Kejuruteraan**, Pejabat Majlis Daerah Mersing, No.1, Jalan Tun Dr. Ismail, 86800 Mersing, Johor Darul Ta'zim pada waktu pejabat mulai **26 Januari 2026 (Isnin)** sehingga **03 Februari 2026 (Selasa)**.
3. Naskah sebut harga akan diberi secara *softcopy*. Sila bawa **PENDRIVE** semasa proses pembelian.
4. Bayaran bagi dokumen sebut harga hendaklah dibuat dalam bentuk sepertimana senarai di bawah dan dibayar atas nama **Majlis Daerah Mersing**:
- Draf bank daripada bank yang berlesen dan beroperasi di Malaysia atau;
  - Kiriman wang pos (*money order*) atau;
  - Wang kiriman pos berpaling (*postal order*) - tidak menerima wang **RM1** atau;
  - Bayaran secara dalam talian (*online banking*) melalui kaedah **INSTANT TRANSFER - Public Bank, No. Akaun : 3993187506**.

**WANG TUNAI ATAU CEK TIDAK DITERIMA SELARAS DENGAN KETETAPAN**

**1PP-PK2 PERENGGAN 8(iii) (e) (5)**

Tarikh Iklan Dikeluarkan: 23 Januari 2026

**Jadual 1:**

<b>Bil</b>	<b>BUTIR-BUTIR TAWARAN</b>	<b>HARGA DOKUMEN TAWARAN</b>	<b>GRED / KOD BIDANG / PENGKHUSUSAN</b>	<b>TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK</b>
1.	(MDMG.SH/09/2026) KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH SERTA MENYELENGGARA STRUKTUR JETI TANJUNG LEMAN DAN KERJA-KERJA YANG BERKAITAN	RM50.00 (Tidak akan dikembalikan)	Gred : <b>G2</b> Kategori : <b>B DAN CE</b> Pengkhususan : <b>B24 DAN CE21</b>	Tarikh : <b>26 Januari 2026 (Isnin)</b> Tempat Berkumpul : <b>Lobi</b> <b>Pejabat Majlis Daerah</b> <b>Mersing</b>  Masa Taklimat : <b>10.00 pagi</b> Waktu lawatan Tapak: <b>10.15 pagi</b>  <b>(TAKLIMAT / LAWATAN TAPAK ADALAH DIWAJIBKAN)</b>
2.	(MDMG.SH/10/2026) KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH SERTA MENYELENGGARA KEMUDAHAN DAN PELANCONGAN DI PANTAI TANJUNG LEMAN	RM50.00 (Tidak akan dikembalikan)	Gred : <b>G2</b> Kategori : <b>B DAN CE</b> Pengkhususan : <b>B24 DAN CE21</b>	
3.	(MDMG.SH/12/2026) KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH SERTA MENYELENGGARA TEMBOK PENAHAN OMBAK DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI TANJUNG PENYABONG	RM50.00 (Tidak akan dikembalikan)	Gred : <b>G2</b> Kategori : <b>CE</b> Pengkhususan : <b>CE01, CE10 DAN CE21</b>	Tarikh : <b>26 Januari 2026 (Isnin)</b> Tempat Berkumpul : <b>Lobi</b> <b>Pejabat Majlis Daerah</b> <b>Mersing</b>  Masa Taklimat: <b>10.00 pagi</b> Waktu Lawatan Tapak : <b>2.30 petang</b>  <b>(TAKLIMAT / LAWATAN TAPAK ADALAH DIWAJIBKAN)</b>
4.	(MDMG.SH/11/2026) KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH SERTA MENYELENGGARA KEMUDAHAN AWAM DAN PELANCONG DI PANTAI TELUK GOREK	RM30.00 (Tidak akan dikembalikan)	Gred : <b>G1</b> Kategori : <b>B DAN CE</b> Pengkhususan : <b>B24 DAN CE21</b>	

5. **Bagi sebut harga yang melibatkan taklimat dan lawatan tapak, hanya penama yang tercatat di dalam sijil sahaja yang dibenarkan menghadiri sesi taklimat dan lawatan tapak berkenaan. Kontraktor/syarikat tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama dalam sijil.**

**WAKIL BAGI LAWATAN TAPAK TIDAK DIBENARKAN SELARAS DENGAN KETETAPAN 1PP-PK2.1 PERKARA 7 (iv) (b) (8)**

6. Peraturan am untuk hadir bagi pendaftaran penyertaan ke pejabat Majlis Daerah Mersing **(tidak dibenarkan masuk jika tidak dipatuhi)** :
- a) Hanya seorang sahaja dibenarkan masuk bagi setiap syarikat;
  - b) Mengisi borang pendaftaran kehadiran.
7. Dokumen Tawaran sebut harga yang telah dicetak dan lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga pada **03 Februari 2026 (Selasa)** sebelum jam **12.00 tengah hari** di alamat Yang Dipertua, Pejabat Majlis Daerah Mersing, No.1, Jalan Tun Dr. Ismail, 86800 Mersing, Johor Darul Ta'zim.

**YANG DIPERTUA  
MAJLIS DAERAH MERSING  
NO. 1, JALAN TUN DR. ISMAIL,  
86800 MERSING, JOHOR DARUL TA'ZIM .**